



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 10/ 2024 (Bulan Oktober 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Suburkan Kasih, Semaikan Sayang	4 Oktober 2024M/ 1 Rabi'ulakhir 1446H
2.	Utamakan Kesihatan Mental Di Tempat Kerja	11 Oktober 2024M/ 8 Rabi'ulakhir 1446H
3.	Umpama Kebun Yang Subur	18 Oktober 2024M/ 15 Rabi'ulakhir 1446H
4.	Janji Yang Dilupakan	25 Oktober 2024M/ 22 Rabi'ulakhir 1446H
Khutbah Kedua		

دبىباىاءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىبتكن:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولاو فينغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Janji Yang Dilupakan

25 Oktober 2024M/ 22 Rabi'ulakhir 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ... ﴿١﴾ سورة المائدة: آيات 1

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Moga-moga rahmat dan kebaikan daripadanya akan sentiasa memayungi kehidupan kita di dunia yang sementara ini.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Justeru, pada hari



ini, khatib akan berbicara berkenaan tajuk yang amat penting, iaitu “**Janji Yang Dilupakan.**”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Masih ingatkan anda dengan janji yang telah dibuat kepada seorang bapa yang telah membesarkan anaknya dengan penuh kasih dan sayang?

Diberikan bekal ilmu dunia dan akhirat sebaik mungkin dalam kemampuannya. Namun, apabila sampai masa jodohnya, seorang bapa dengan penuh pengharapan mahu melihat seorang lelaki yang menjadi pilihan anaknya dapat memelihara kebajikan, maruah, nafkah dan paling penting sudah pasti seorang bapa mahu melihat anak perempuannya dibimbing agamanya, lebih baik daripada apa yang telah dia buat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Usai akad nikah dilangsungkan, seorang suami akan membaca lafaz taklik. Lafaz pengikat tanggungjawab dan menjadi punca kuasa untuk mempertahankan isteri daripada diperlakukan secara mudarat dan diabaikan.

Selesai lafaz taklik, Pendaftar atau Kadi akan meminta supaya wali kepada pengantin untuk mengadakan lafaz *tamkin*. Masih ingatkah anda dengan lafaz *tamkin* ini? Lafaz penyerahan tanggungjawab yang dilafazkan oleh wali pengantin perempuan berkaitan nafkah, pemeliharaan, keselamatan kasih sayang dan tanggungjawab agama Islam kepada suami.



Apabila kita para suami menjawab lafaz tersebut, maka sebenarnya kita telah membuat aku janji untuk menanggung satu amanah yang cukup besar sepanjang hayat kita.

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Ketahuiilah saudaraku bahawa perkahwinan dalam agama ini, bicaranya adalah tentang amanah dan tanggungjawab. Akad nikah yang suci telah menghalalkan dua jiwa yang sebelumnya dihukumkan haram, mempunyai maksud yang sangat signifikan dalam pembinaan keluarga yang mendapat rahmat dan berkat.

Nabi ﷺ menyebutkan semasa khutbah *wada'* khusus tentang tanggungjawab suami:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانَةِ اللَّهِ وَاسْتَحْلَلْتُمْ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ

Maksudnya: *“Bertaqwalah kepada Allah dalam mengendalikan urusan kaum wanita. Kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan dihalalkan bagi kamu kehormatan mereka dengan kalimah Allah.”*

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

Maha Suci Allah yang mensyariatkan pernikahan. Maha Bijaksana Allah menghendaki supaya wanita tetap dilindungi, dijaga kebajikan mereka dan mesti dibimbang oleh seorang lelaki sebagai seorang bapa atau suami.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,



Berapa lamakah usia pernikahan kita? 5,10,15 tahun atau sudah lebih dari itu? Sudahkan tanggungjawab agama ditunaikan dengan sebaik-baiknya?

Adakah isteri kita sudah mendapat pendidikan fardhu ain yang baik? Sudahkah isteri kita memahami tentang sifat-sifat ketuhanan, perkara-perkara *samiyyat* (سَمْعِيَّات) dengan baik? Sudahkan dia memahami hukum hakam berkaitan ibadah terutamanya selok belok permasalahan haid, nifas dan istihadah sebaik mungkin?

Para suami sekalian, sehingga kini, adakah pemakaian isteri kita sudah terpelihara auratnya? Apakah lidah isteri kita masih lancar mengumpat dan mengadu domba hal orang lain? Adakah akhlak isteri kita masih terdedah dengan sifat-sifat keji berbanding sifat-sifat terpuji?

Oleh sebab itu, ketahuilah saudaraku sekalian bahawa hal-hal yang khatib sebutkan adalah tanggungjawab agama yang sedang kita tanggung sebagai seorang bapa atau suami.

Mendengar apa yang khatib bangkitkan, jika hati anda sekarang merasa bimbang, maka itu adalah bukti iman dan rasa tanggungjawab sebagai seorang suami yang sedang menanggung amanah Allah

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

SAUDARA SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,

Firman Allah dalam surah at-Tahrim ayat ke-6:



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarannya adalah manusia dan batu (berhala), penjaganya para malaikat yang kasar dan keras (layanannya) yang tidak derhaka kepada Allah terhadap apa-apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu melakukan apa-apa yang diperintahkan.”

Ayat tersebut menunjukkan bahawa para suami di dalam masjid ini adalah nakhoda yang akan memandu dan menyelamatkan ahli keluarga kita daripada terjerumus ke lubang neraka yang penuh siksaan keras.

Jika di dunia ini kita berjaya memelihara ahli keluarga kita, berkorban masa, memerah fikiran, bergelut untuk mencukupkan ilmu agama ahli keluarga serta bersabar dalam mendidik ahli keluarga atau isteri kita khususnya, maka insya-Allah, kita akan memimpin mereka mengecap nikmat syurga.

SAUDARAKU SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Perkara ini tidak semudah bercakap hari ini, esok seseorang terus berubah. Mendidik dan membentuk seorang manusia terutama perempuan memerlukan proses dan kesabaran yang panjang.

Justeru, Allah memberi kekuatan akal kepada kita berbanding emosi untuk mendidik mereka di bawah tanggungjawab kita. Jangan pernah merasa penat dan berputus asa. Ingat saudara sekalian, kita



diamanahkan untuk berikhtiar dan berusaha tanpa henti. Allah sahaja yang berkuasa meluluskan segala usaha dan ikhtiar kita itu.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah, ambillah perhatian dengan apa yang khatib simpulkan ini:

Pertama: Ingatlah apabila kita sudah diakad nikahkan, maka menjadi tanggungjawab kita untuk mencari dan menunaikan nafkah, memelihara kebajikan, menjaga maruah serta menunaikan tanggungjawab terhadap keluarga.

Kedua: Sebagai pemimpin, suami perlu membentuk dirinya menjadi pihak yang paling berkesan dalam berkomunikasi, sehinggakan pengaruhnya menentukan keputusan dan hala tuju keluarga.

Ketiga: Wujudkan *bi'ah solehah* (بَيْتَةٌ صَالِحَةٌ) atau persekitaran yang baik demi memotivasikan diri kita dan mewujudkan kehidupan yang baik atau suasana yang positif dalam keluarga.

Keempat: Hendaklah para suami atau bapa melazimi solat jemaah dan mengikuti kuliah-kuliah di masjid atau surau dengan memantapkan lagi hubungan kita dengan Allah serta menambah ilmu pengetahuan.

Kelima: Sentiasalah berazam dan berdoa terutamanya setiap kali selepas solat untuk terus diberikan kekuatan melaksanakan amanah sebagai suami.

Antara doa khusus yang diajarkan Allah سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى dalam Al-Quran adalah daripada surah al-Furqan ayat ke-74:



وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: “Dan mereka (yang diredhai Allah ialah orang-orang yang berdoa), wahai Tuhan kami, berilah kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara yang menyejukkan hati kami memandangnya dan jadikanlah kami ikutan untuk orang-orang yang bertakwa.”

Semoga kita para suami berjaya melaksanakan amanah yang berat ini dan memandang isteri kita dengan pandangan yang redha. Tiada tempat paling layak buat seorang isteri yang beriman melainkan syurga dan menjadi bidadari setia yang akan menemani suami selama-lamanya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَايِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،



اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf
sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis
Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan
keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

